

14 JUN 1997

Pilihan Raya

BN MENANG PILIHAN RAYA KECIL DUN MELEKEK

ALOR GAJAH, 14 Jun (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) mengekalkan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Melekek apabila calonnya Nawi Ahmad memenangi pilihan raya kecil kawasan itu dengan majoriti 4,431 undi.

Nawi, 35, bekas guru, mendapat sebanyak 4,559 undi menewaskan calon Bebas, J. Appalamy, 39 yang hanya mendapat 128 undi.

Pengurus pilihan raya, Othman Baba mengumumkan keputusan itu di pusat penjumlahan undi di Dewan Mini Kompleks Sukan Alor Gajah pada 8 malam.

Peratus yang keluar mengundi ialah sebanyak 60.9 peratus manakala undi rosak sebanyak 110 undi. Jumlah pengundi bagi kawasan itu ialah sebanyak 7,874 orang.

Pilihan raya kecil itu diadakan ekoran kematian bekas Ketua Menteri, allahyarham Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani pada 14 Mei lepas akibat diserang angin ahmar.

Mohd Zin mewakili kerusi itu selama tiga penggal sejak pilihan raya umum 1986 dan pada pilihan raya umum 1995, beliau menewaskan calon PAS, Md Yusof Othman dengan majoriti 4,491. Mohd Zin mendapat 5,006 undi berbanding 515 undi yang diterima oleh Yusof.

Pilihan raya kecil itu ialah yang kedua diadakan di sini sejak pilihan raya umum 1995.

Pengerusi MIC negeri R. Raghavan mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri Bukit Asahan pada Jun tahun lepas dalam pertandingan tiga penjuru berdepan calon PAS dan DAP.

Ketua Menteri Datuk Abu Zahar Isnin menyifatkan kemenangan BN itu sebagai bukti keyakinan berterusan rakyat kepada kerajaan yang diterajui BN serta dasarnya.

Kemenangan itu memang dijangka kerana kerusi itu kubu BN, katanya kepada pemberita di sini. Menurutnya, jentera BN berusaha gigih bagi memastikan kemenangan diperolehi dengan majoriti besar.

Abu Zahar berkata keputusan itu memperlihatkan kematangan pengundi yang memberi sokongan padu kepada kerajaan BN di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau yakin Nawi akan memberikan khidmat dan sumbangan yang baik kepada rakyat berbekalkan pengalaman luas dalam politik dan kegiatan kemasyarakatan.

Mengenai peratusan pengundi yang keluar mengundi merosot, Abu Zahar berkata ia merupakan perkara biasa pada pilihan raya kecil.

Nawi yang juga bekas pembantu khas allahyarham Mohd Zin berkata beliau akan berusaha memberikan khidmat sebaik mungkin dengan mencontohi Mohd Zin yang sentiasa mendapat sokongan padu masyarakat setempat.

Ali yang juga Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO berkata, keupayaan BN sekali lagi melenyapkan "wang pertaruhan" pembangkang di Melekek membuktikan pengundi di situ menggunakan proses demokrasi dengan sewajarnya dengan "menghukum" Appalamy.

"Pilihan raya kecil ini bukan perkara main-main dan sewajarnya pembangkang tidak bertarung menghadapi BN, " katanya.

Sementara itu, Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) Datuk Harun Din ketika ditemui pemberita berkata pilihan raya kecil itu berjalan lancar.

Bagaimanapun, pihaknya mengesan sedikit masalah terutama apabila pengundi terpaksa berbaris panjang untuk mengundi pada sebelah pagi kerana tiba serentak pada waktu itu.

Beliau berkata SPR akan memastikan masalah itu tidak berlaku dengan

menambah pegawai yang mengendalikan pusat pengundian. -- BERNAMA
TM FAZ